



UNIT PEMBANGUNAN
HOSPITAL TENGGU AMPUAN AFZAN
JALAN TANAH PUTIH, 25100 KUANTAN, PAHANG
TEL : 09-5572031 / 09-5572239
E-mel : htaa.pembangunan@moh.gov.my

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar di Negeri Pahang dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Memegang Perakuan Pendaftaran, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, Sijil Taraf Bumiputera yang masih sah di bawah bidang berkaitan dan wajib memiliki Sijil Pematuhan Cukai (TCC) Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi tawaran berikut:-

BIL	NO. SEBUT HARGA	TAJUK/PERIHAL SEBUT HARGA	PENDAFTARAN/ KOD BIDANG/ KELAS PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN	TAKLIMAT SEBUT HARGA	TARIKH TUTUP TAWARAN
1.	Q/18/PEM/HTAA/KTN : 2026	KERJA-KERJA BINA BAHARU MAKMAL MOLEKULAR PATOLOGI ANATOMIK WILAYAH PANTAI TIMUR, HOSPITAL TENGGU AMPUAN AFZAN, KUANTAN, DI PAHANG	BERDAFTAR DENGAN CIDB GRED G2 KATEGORI – B & ME PENGKHUSUSAN : B04, E04 & E11 DAN BERDAFTAR DENGAN PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR	-	25 MEI 2026 (ISNIN) JAM 3.00 PETANG LOKASI : BILIK MESYUARAT, JABATAN PATOLOGI, BLOK UTAMA, HTAA KUANTAN	01 JUN 2026 (ISNIN) JAM 12.00 TENGAH HARI

2. Sesi taklimat dan lawatan tapak akan diadakan pada hari ISNIN, 25 MEI 2026, jam 3.00 PETANG. Kontraktor dikehendaki berkumpul di Bilik Mesyuarat, Jabatan Patologi, Blok Utama, HTAA Kuantan pada tarikh dan masa yang ditetapkan.

3. Borang sebut harga akan dikeluarkan kepada penama sijil @ kontraktor yang sah sahaja pada hari taklimat. Bagi maksud ini, kontraktor-kontraktor hendaklah membawa Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) asal, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) asal daripada CIDB, Sijil Taraf Bumiputera (STB) asal daripada PKK dan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) termasuk mempamerkan Kad Pengenalan Kontraktor. Kegagalan tuan / puan mengemukakan dokumen tersebut boleh menyebabkan borang sebut harga tidak akan dikeluarkan. Kontraktor juga TIDAK BOLEH mewakili kepada sesiapa untuk menghadiri sesi lawatan tapak ini. Borang sebut harga tidak akan dikeluarkan kepada Wakil Kontraktor.

4. Borang sebut harga yang telah diisi lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Bangunan Pentadbiran, Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan tidak lewat dari jam 12.00 Tengah hari, bertarikh 01 JUN 2026 (ISNIN). Sebut harga yang dihantar lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Pengarah Hospital
Hospital Tengku Ampuan Afzan
Kuantan, Pahang

Tarikh Iklan : 19 Mei 2026


DR. SARIFUDDIN BIN SAAD,
Pengarah Hospital
Hospital Tengku Ampuan Afzan,
Kuantan, Pahang,
No MMC : 33350